



TITAH DIRAJA

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

SEMPENA

MAJLIS SEMBAH TAKLIMAT MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA

PADA

**17 MEI 2019 [JUMAAT]
BERSAMAAN 12 RAMADAN 1440 HIJRAH**

BERTEMPAT DI

HOTEL RAMADA, MELAKA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام
على اشرف الانبياء والمرسلين
وعلى اله وصحبه اجمعين
رب اشرح لي صدري ويسرلي امري
والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

TUAN YANG TERUTAMA TUN DATUK SERI UTAMA DR. MOHD KHALIL BIN YAAKOB;
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA.

YANG AMAT BERHORMAT TUAN ADLY BIN ZAHARI; KETUA MENTERI MELAKA.

YANG BERHORMAT DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD YUSOF; MENTERI
PEMBANGUNAN USAHAWAN MALAYSIA.

YANG BERHORMAT DATUK WIRA OMAR BIN JAAFAR; SPEAKER DEWAN UNDANGAN
NEGERI MELAKA.

YANG BERHORMAT DATO' HASIM BIN HASAN; SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
MELAKA.

YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS KERAJAAN NEGERI.

YANG BERHORMAT AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT.

KETUA-KETUA JABATAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN.

ALHAMDULILLAH. BERSYUKUR SAYA KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA
KERANA DENGAN LIMPAN DAN INAYAH-NYA DAPAT SAYA BERANGKAT HADIR KE
MAJLIS SEMBAH TAKLIMAT MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA PADA HARI YANG
PENUH BERMAKNA INI.

SESUNGGUHNYA; PERSEMBAHAN TAKLIMAT OLEH YANG AMAT BERHORMAT KETUA MENTERI MELAKA SEBENTAR TADI TELAH MEMBERI PELUANG KEPADA SAYA UNTUK MENDALAMI HAL EHWAL PENGURUSAN AGAMA ISLAM DAN INSTITUSI AGAMA DI NEGERI MELAKA YANG PENUH BERSEJARAH INI.

SEBAGAI YANG DI-PERTUAN AGONG; SAYA BERPERANAN SEBAGAI KETUA AGAMA ISLAM NEGERI MELAKA SEPERTIMANA YANG TERMAKTUB DI DALAM PERLEMBAGAAN NEGERI MELAKA. DENGAN DEMIKIAN; MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI DAN LAIN-LAIN INSTITUSI AGAMA ISLAM NEGERI ADALAH BERTANGGUNGJAWAB SECARA LANGSUNG KEPADA YANG DI-PERTUAN AGONG SELAKU KETUA AGAMA ISLAM.

SEBAGAI KETUA AGAMA ISLAM; YANG DI-PERTUAN AGONG ADALAH TIDAK DIBATASI DENGAN NASIHAT DARI MANA-MANA PIHAK; SELAIN DARIPADA NASIHAT DARI AGENSI DAN INSTITUSI AGAMA ISLAM NEGERI.

OLEH YANG DEMIKIAN; AGENSI-AGENSI AGAMA ISLAM NEGERI MEMAINKAN PERANAN YANG BESAR SEBAGAI SEBUAH DEWAN PEMIKIRAN DAN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM; SERTA MENJADI PENGHUBUNG ANTARA UMAT ISLAM DENGAN YANG DI-PERTUAN AGONG.

BAGI MELAKSANAKAN PERANAN TERSEBUT; PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM DI NEGERI HENDAKLAH BERLANDASKAN KEPADA PRINSIP AMANAH. INI KERANA, TANGGUNGJAWAB MENTADBIR DAN MENGURUS AGAMA ALLAH; SERTA MENASIHATI YANG DI-PERTUAN AGONG ADALAH MERUPAKAN SATU AMANAH YANG WAJIB DILAKSANAKAN.

PARA PEMIMPIN DAN PEGAWAI TIDAK BOLEH MENGKHIANATI AMANAH DAN MENGABAIKAN HUKUM-HUKUM ISLAM KERANA TINDAKAN SEDEMUKIAN AKAN HANYA MEMBAWA MUSIBAH YANG BERPANJANGAN KEPADA RAKYAT.

BAGI MENGUKUHKAN LAGI PENTADBIRAN AGAMA ISLAM; HAL EHWAL HUKUM SYARAK HENDAKLAH JUGA DIPERKASA SERTA DITAMBAH BAIK AGAR INSTITUSI MUFTI DAN FATWA YANG MERUPAKAN SUMBER RUJUKAN HUKUM YANG TERTINGGI DI NEGERI DAPAT MENASIHATI YANG DI-PERTUAN AGONG AGAR SETIAP HUKUM DAN UNDANG-UNDANG DILAKSANA DENGAN SECARA KONSISTEN DAN ADIL.

PENINGKATAN SOSIO EKONOMI UMAT ISLAM JUGA PERLU DIBERIKAN TUMPUAN. MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PERLU BIJAK MENEROKA SUMBER-SUMBER BARU BAITULMAL DEMI MEMASTIKAN DANA BAITULMAL TERUS BERKEMBANG DAN MAMPU MENJADI PEMANGKIN PEMBANGUNAN SOSIO EKONOMI UMMAH.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN.

NEGERI MELAKA ADALAH MERUPAKAN NEGERI KETIGA DALAM RANGKA LAWATAN KERJA SAYA DALAM USAHA SAYA UNTUK LEBIH MENDEKATI RAKYAT JELATA DAN MENINJAU SENDIRI PENTADBIRAN AGAMA ISLAM DI NEGERI-NEGERI YANG DINAUNGI OLEH SAYA.

MELALUI SIRI LAWATAN KERJA INI; BANYAK MAKLUMAT, PANDANGAN DAN JUGA PENGAJARAN YANG TELAH SAYA PEROLEHI. ANTARA PENGAJARAN YANG PALING BERTAMBAH NILAI IALAH SETIAP NEGERI MEMPUNYAI KAEDAH SERTA WAWASAN YANG TERSENDIRI DALAM USAHA MENGUKUH PENTADBIRAN AGAMA ISLAM.

SAYA BERPANDANGAN BAHAWA PENTADBIRAN AGAMA ISLAM BOLEH MENJADI LEBIH KUKUH DAN EFISIEN MELALUI KAEDAH "MUSYAWARAH" ANTARA SEMUA NEGERI-NEGERI. MELALUI PENDEKATAN INI, KITA BOLEH BERKONGSI MINDA SERTA BERTUKAR-TUKAR PENGALAMAN DEMI UNTUK MENCAPAI HASRAT YANG SATU.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU; SAYA BERTAMBAH NILAI UNTUK MENGANJURKAN SATU MAJLIS PERBINCANGAN MELIBATKAN MUFTI-MUFTI, PENGARAH JABATAN AGAMA ISLAM DAN KETUA HAKIM SYARIE BAGI NEGERI-NEGERI YANG DINAUNGI OLEH SAYA.

MAJLIS PERBINCANGAN INI KELAK BOLEH KITA JADIKAN SEBAGAI SATU PLATFORM UNTUK KITA BERMUAFAKAT DALAM SEMUA ASPEK PENTADBIRAN AGAMA ISLAM SECARA KONSISTEN. SELAIN ITU, IANYA JUGA MEMBERI RUANG KEPADA PARA PEMIMPIN AGAMA ISLAM DI NEGERI-NEGERI UNTUK MELAPOR SEBARANG PERKEMBANGAN DAN BERINTERAKSI DENGAN SAYA. MARILAH KITA MENGAMBIL IKHTIBAR DARI HADITH YANG DIRIWAYATKAN OLEH IMAM AHMAD YANG BERTAMBAH NILAI:

" TELAH BERSABDA RASULULLAH SALLAHUALAIHI WASSALAM KEPADA ABU BAKAR DAN UMAR: APABILA KALIAN BERDUA SEPAKAT DALAM MUSYAWARAH; MAKA AKU TIDAK AKAN MENYALAHKAN KAMU BERDUA. "

HADIRIN DAN HADIRAT SEKELIAN.

MENGAKHIRI TITAH; SAYA DAN RAJA PERMAISURI AGONG INGIN MENZAHIRKAN SETINGGI-TINGGI TERIMA KASIH KEPADA TUAN YANG TERUTAMA YANG DIPERTUA NEGERI MELAKA, KERAJAAN NEGERI MELAKA DAN SELURUH RAKYAT NEGERI MELAKA; DI ATAS KESUDIAN MENERIMA KEBERANGKATAN KAMI BERDUA.

TERIMA KASIH JUGA KEPADA YANG AMAT BERTAMBAH NILAI KETUA MENTERI MELAKA DI ATAS KESUDIAN MENYEMBAH TAKLIMAT YANG PENUH INFOMATIF. POHON DISAMPAIKAN SALAM SAYA KEPADA SEMUA JENTERA KERAJAAN NEGERI DAN PETUGAS-PETUGAS YANG TELAH BERUSAHA KERAS MENJAYAKAN LAWATAN KERJA SAYA KE NEGERI MELAKA YANG BERSEJARAH INI.

MARI LAH KITA BERSAMA-SAMA MEMANJATKAN DOA AGAR NEGERI MELAKA DAN NEGARA KITA MALAYSIA AKAN TERUS BERADA DI BAWAH LINDUNGAN DAN KEBERKATAN ALLAH SUBHANAHU WATAALA. SEKIAN.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته